

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [ LABUAN ]**

**TARIKH : JULAI – OGOS 2020**

**SOALAN NO. 401**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian bersetuju untuk menggabungkan RFP pembinaan pelabuhan baharu bersepadu Labuan dengan pembinaan Jambatan Labuan – Menumbok dan pengwujudan pusat industri bertaraf FTZ di kawasan Menumbok, Kuala Penyu. Penggabungan 3 perkara tersebut adalah sangat penting untuk menjadikan projek itu *viable*.

**JAWAPAN:**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Lembaga Pelabuhan Labuan (LPL) telah ditubuhkan melalui pewartaan Perluasan Kuasa Menteri yang digazetkan melalui Warta Kerajaan Persekutuan, Perintah Lembaga Pelabuhan Bintulu (Perluasan Fungsi 2017) yang berkuatkuasa pada 31 Januari 2017. Dengan tertubuhnya Lembaga Pelabuhan Labuan, maka urusan pentadbiran Pelabuhan Labuan kini terletak di bawah bidang kuasa dan kawal selia Lembaga Pelabuhan Labuan yang sebelum ini di bawah tanggungjawab Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan.
2. Berdasarkan kepada status semasa, kontena yad di Pelabuhan Dermaga Merdeka Labuan mempunyai kapasiti optimum sebanyak 800 TEUs dalam satu-satu masa bagi menampung aktiviti pengendalian kargo tempatan termasuk kargo industri minyak dan gas serta kargo pindah kapal atau *transshipment*. Manakala, jeti Dermaga Merdeka mempunyai spesifikasi dengan panjang 244 meter dan lebar 19.5 meter.
3. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pengangkutan tiada halangan dengan cadangan untuk menggabungkan kaedah *Request for Proposal* (RFP) bagi pembinaan pelabuhan baharu bersepadu Labuan dengan pembinaan Jambatan Labuan – Menumbok dan pengwujudan pusat industri bertaraf *Free Trade Zone* (FTZ) di kawasan Menumbok, Kuala Penyu. Namun begitu, bidang kuasa Kementerian Pengangkutan adalah terhad kepada pembinaan struktur marin, manakala bagi pembinaan struktur lain seperti jambatan ianya

adalah di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya serta lain-lain kementerian yang berkaitan.

4. Untuk makluman Yang Berhormat, LPL kini dalam proses untuk mempertingkatkan kecekapan pelabuhan, menggubal undang-undang kecil pelabuhan dan memperkemaskan prosedur pelabuhan bagi memastikan Pelabuhan Labuan kekal berdaya saing. LPL juga sudah mengenal pasti beberapa lokasi yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai Pelabuhan Labuan baharu antaranya seperti di kawasan Rancha-Rancha bagi cadangan pembangunan masa hadapan.

Sekian, terima kasih.